

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
NEGERI TERENGGANU
(JPNT)

OLEH
MOHD. SHORI BIN MUSSIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

13351

Perpustakaan
olej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)
1100045458



LJ 44 FPE 1 2005



1100045458

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Terengganu / Mohd Shori Hussin.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

100045458

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

L
44
TPE
-
2015

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI TERENGGANU

OLEH

MOHD SHORI BIN HUSSIN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045458

RINGKASAN EKSEKUTIF

Program Praktikum atau Latihan Industri ini merupakan satu program penempatan pelajar dalam sektor industri yang bertujuan bagi memenuhi keperluan pengijazahan program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaan Sosial di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Penempatan seseorang pelajar dalam menjalani Latihan Industri bukan sahaja dihadkan kepada organisasi kerajaan sahaja malah para pelajar boleh juga ditempatkan di Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Sektor Perindustrian dan Perkilangan (PRAINDUSTRI) dan juga sektor-sektor swasta yang lain.

Tempoh latihan selama 12 minggu telah ditetapkan bagi penuntut Program Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial di bawah Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE). Setiap penuntut yang menjalankan Latihan Industri akan dinilai tahap prestasinya oleh pensyarah KUSTEM dan Penyelia Industri yang telah ditetapkan. Seterusnya, hasil penilaian ini akan diambil kira dalam penentuan Purata Markah Keseluruhan atau Kumulatif (PMK) pelajar terbabit.

Satu laporan tentang Latihan Industri perlu disediakan di akhir tempoh praktikum dan ianya perlu diserahkan kepada penyelia KUSTEM untuk dinilai. Penilaian ini dibuat bagi menentukan markah dan kemajuan penuntut berdasarkan pengalaman semasa menjalani Latihan Industri. Jelasnya di sini, keyakinan dan kemampuan penuntut dalam menyampaikan suatu hasil dengan sempurna dan bekersan, jelas, dan disertai pula dengan penyampaian yang meyakinkan adalah input yang wajar dalam kejayaan penghasilan output yang berkualiti. Ini adalah asset utama kejayaan seseorang pelajar sepanjang 12 minggu menjalankan latihan praktikum.

Tujuan utama Latihan Industri ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar agar dapat menimba pengetahuan dan pengalaman selain daripada mengasah kecekapan dan kemahiran teori yang dipelajari di dewan kuliah berkaitan kursus yang telah ditetapkan/dipelajari. Tujuan lain adalah untuk melihat struktur pentadbiran sesebuah organisasi serta peranannya berdasarkan teori yang telahpun dipelajari.